

buletin *Selayangku Sayang*

BIL 2 | APRIL - JUN | 2014 | EDARAN PERCUMA



ANUGERAH YDP TINGKATKAN PRESTASI KERJA

KRISHNAN a/l Ratnam telah menerima Anugerah YDP bagi kategori peningkatan imej MPS. Dengan kejayaan mendapat anugerah 4 bintang beliau menerima ganjaran wang tunai RM2,000, sijil penghargaan dan makan malam bersama YDP dan VIP. Anugerah telah disempurnakan oleh Tuan YDP di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPS 2013 pada 6 Mei 2014 di Lobi Menara MPS.


Anugerah YDP adalah sistem ganjaran (reward) telah diwujudkan sejak tahun 2011 diberi kepada individu atau jabatan yang mencapai kecemerlangan dari segi penjimatan kos, peningkatan imej MPS serta inovasi dan kreatif.

En. Krishnan, kakitangan Jabatan Landskap telah mewakili MPS dengan menyertai acara larian sejak tahun 1980-an di peringkat kebangsaan dan antarabangsa antaranya; Penang Bridge International Marathon,

Dalam ucapannya, Tuan YDP yakin dengan adanya sistem ganjaran ini, kakitangan MPS akan lebih bersemangat memberikan yang terbaik dan lebih cemerlang.

Sebanyak 4 jabatan telah menerima anugerah di bawah kategori Peningkatan Imej. Jabatan tersebut ialah Unit Akaun, Bahagian Kewangan, Jabatan Perbendaharaan, Jawatankuasa Induk Zon Bersih, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dan Kumpulan Smart Data, Jabatan Perbendaharaan.

Manakala untuk kategori pengurangan kos dan peningkatan kecekapan telah dimenangi oleh Jabatan Audit Dalam, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap.



Krishnan a/l Ratnam menerima ganjaran diatas sumbangan beliau dari Tuan YDP MPS



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Tuan Mohd. Azizi B. Mohd. Zain
ydp@mps.gov.my
Tuan Mohamad Zain B. A Hamid
mohamadzain@mps.gov.my

KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin B. Masoad
zin@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi B. Ishak
ahmad_fauzi@mps.gov.my

PENGARANG

En. Azhar B. Che Salleh
azhar_salleh@mps.gov.my
Pn. Zauyah Bt. Idris
zauyah@mps.gov.my
Pn. Norhasliza Binti Hassan
norhasliza@mps.gov.my
Pn. Noraswaliza Bt. Ibrahim
aslbrahim26@gmail.com
Pn. Siti Maisarah Bt. Abd. Rahman
maisarah@mps.gov.my

PEREKA LETAK

Cik Erni Yusliza Bt. Zainuddin
erni@mail.mps.gov.my

JURUFOTO

Cik Anissapinah Bt. Mohd Dan
anis@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada;

Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728
E-mel: aduanmps@mps.gov.my

Assalamualaikum W.B.T, Dan Selamat Sejahtera

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita bertemu dalam ruangan ini. Saya mengucapkan tahniah kepada sidang redaksi kerana telah bertungkus lumus menerbitkan buletin edisi bil/2/2014.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Majlis Perbandaran Selayang 2013

Majlis APC merupakan satu penghargaan dan juga pengiktirafan kepada warga MPS yang telah menunjukkan perkhidmatan cemerlang dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan MPS sentiasa mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan dan yang lebih penting, memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan dan penduduk Selayang amnya.

Sebanyak 76 penerima anugerah khidmat cemerlang, 21 penghargaan untuk pesara dan 12 anugerah untuk anak-anak cemerlang. Pada tahun ini buat julung-julung kalinya telah menyampaikan satu anugerah yang dipanggil Anugerah YDP.

Anugerah ini merupakan satu penghargaan ataupun 'reward' yang pihak Majlis berikan kepada jabatan, jawatankuasa, mahupun individu yang berjaya membawa pulangan kepada MPS baik dari segi pendapatan, penjimatan kos ataupun peningkatan imej majlis di peringkat MPS mahupun negeri.

Bagi tahun ini, sebanyak 8 Anugerah YDP diberikan kepada jabatan, jawatankuasa dan juga individu yang berjaya membawa kepada pulangan pendapatan, penjimatan kos mahupun peningkatan imej Majlis. Saya berharap dengan adanya pengiktirafan dan penghargaan seperti ini, semua warga kerja MPS akan bersemangat untuk bekerja dengan lebih dedikasi.

Keputusan Penarafan Bintang (SPB-PBT) Semenanjung Malaysia Tahun 2013

MPS telah berjaya mendapat pengiktirafan 4 bintang bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Semenanjung dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

MPS berjaya menunjukkan prestasi yang baik dengan peningkatan markah dari 75.68% pada tahun 2011 kepada 84.25% bagi tahun 2013. Syabas dan tahniah kepada pengurusan MPS, ahli-ahli Majlis dan seluruh warga MPS. Dengan penarafan ini, ekspektasi pelanggan terhadap MPS tentunya meningkat, dan diharap semua kakitangan dapat berkerja dengan lebih keras ke arah penarafan 5 bintang.

Peningkatan Produktiviti Dan Kualiti Kerja

Dalam usaha mencapai kecemerlangan, perkhidmatan yang pantas dan berkualiti merupakan kunci utama kepada kejayaan dan survival sesebuah organisasi.

Justeru, dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, saya menyeru agar semua kakitangan MPS bekerja dengan amanah, ikhlas dan berdedikasi serta mengamalkan "Good Work Ethic" dalam memenuhi ekspektasi pelanggan, selain mengimplementasi konsep niat suci hati (*good faith*) dalam menjalankan tugas masing-masing.

Seluruh kakitangan semua haruslah berupaya untuk mengenal pasti peranan masing-masing dalam menjalankan tugas serta objektif dan sasaran yang telah ditetapkan pihak pengurusan. Insyaallah, kita akan mampu menghasilkan modal insan dan sistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis Zon 16

MPS telah menerima seorang lagi Ahli Majlis yang baru iaitu Tuan Letchimanan A/L Thatharan menjadikan jumlah Ahli Majlis kini seramai 18 orang. Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan dan Penyampaian watikah perlantikan beliau telah diadakan di hadapan Tuan YDP pada 30 Jun 2014 di Bilik Yang Dipertua MPS.

Beliau telah diberi tanggungjawab untuk mewakili penduduk Zon 16 dan juga menganggotai 3 Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pengindahan Bandar, Jawatankuasa Kemasyarakatan dan Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat.



Taklimat Ahli Majlis Sesi 2014-2015

MPS telah mengadakan satu sesi taklimat kepada Ahli Majlis bagi sesi 2014-2015. Taklimat ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi dan menambah pengetahuan kepada Ahli Majlis MPS berkaitan pentadbiran, undang-undang dan tatacara kewangan MPS. Sesi taklimat yang merupakan acara tahunan ini, telah diadakan di Dewan Keraian Menara MPS pada 14 April 2014.

Sebanyak 5 Taklimat telah disampaikan oleh pengarah-pengarah jabatan MPS iaitu mengenai Garis Panduan Ahli Majlis, Jawatankuasa dan Jawatankuasa Penduduk, Perundungan berkaitan PBT, Garis Panduan Peruntukan Program Kemasyarakatan dan Garis Panduan Penggerak Belia Tempatan.

Tuan YDP MPS dalam ucapan beliau berharap agar Ahli Majlis MPS akan lebih memahami tentang fungsi masing-masing sekaligus dapat membantu dalam menjalankan tugas baik demi kesejahteraan warga perbandaran selayang.



Perjumpaan bersama Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia Presiden Cuepacs Janji Bela Nasib Kakitangan PBT

PERJUMPAN Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (CUEPACS) bersama MPS telah diadakan pada 1 April 2014 bertempat di Lobi Menara MPS. Sesi pertemuan ini dibuat sempena perhimpunan bulanan MPS bagi bulan April 2014.

Cuepacs diwakili oleh Presidennya iaitu Tuan Azih bin Muda dan beberapa pegawai dari Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pengguna-Pengguna Tempatan Semenanjung Malaysia. (ANULAE)

Sebagai salam perkenalan, Tuan Azih bin Muda yang juga Presiden Anulae Semenanjung Malaysia telah dijemput untuk memberikan ucapan selaku presiden baru CUEPACS bagi tempoh lantikan bermula tahun 2014 hingga 2017.

Dalam ucapannya, beliau menekankan mengenai penyertaan penjawat awam sebagai ahli ANULAE Malaysia, penerangan mengenai perancangan penstrukturkan semula jawatan kakitangan awam di seluruh negara dan isu kebijakan penjawat awam.

Beliau juga turut menegaskan mengenai penerapan nilai integriti dalam kalangan kakitangan penjawat awam. Nilai integriti merupakan amalan yang harus difahami dan diterapkan dalam budaya kerja sehari-hari demi menjamin penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan lebih kondusif.





APRIL - 30/4/2014

Notis Penamatan Kepada Syarikat Yang Telah Di Lantik Untuk Menjalankan Kerja-Kerja Menaiktaraf Kompleks Muhibbah

Mesyuarat dimaklumkan bahawa syarikat yang telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja menaiktaraf Kompleks Muhibbah gagal melaksanakan kerja-kerja tersebut. Atas dasar itu, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah mengadakan perbincangan di Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan dan Pelaburan dan telah membuat keputusan untuk memberi peluang kepada syarikat untuk membuat penambahbaikan dalam tempoh tiga bulan.

Tuan YDP meminta pihak jabatan mengkaji semula dan mengadakan perbincangan bersama pihak syarikat berkaitan pematuhan syarat-syarat telah tetapkan. Jika pihak syarikat gagal, maka pihak jabatan perlu mengeluarkan notis penamatan kepada

syarikat tersebut.



MEI - 26/5/2014



Isu Pembangunan Bercampur Di Kawasan Sg. Tua Tambahan

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan perancang bandar telah membuat ikajian berkaitan pembangunan bercampur di kawasan sungai tua tambahan, batu caves.

Hasil kajian mendapat jumlah keseluruhan pengusaha adalah sebanyak 80 buah lot, yang mana daripada ini hanya 10 lot sahaja yang telah mendapat kelulusan kebenaran merancang. Pihak jabatan telah mengeluarkan notis 'borang F' dan 'borang D' untuk mengemukakan kebenaran merancang kepada lot-lot yang belum

mendapat kelulusan. Daripada maklumat yang diterima oleh pihak jabatan, kebanyakannya adalah bengkel kereta, bengkel besi, kilang kejuruteraan, bengkel kayu, bengkel perabot dan juga stor.

Sehubungan itu, Tuan YDP meminta Jabatan Perancang Bandar dan jabatan yang terlibat menjalankan operasi pemutihan dan mengubah strategi kerja untuk mengkaji operasi kilang tersebut.

Perlantikan Liason Officer (LO) Aduan Untuk Ahli Majlis MPS

Untuk memudahkan Ahli Majlis membuat dan menyemak status aduan di zon masing-masing, Jabatan Korporat telah melantik Liason Officer (LO) yang akan menjadi penghubung antara Ahli Majlis dan MPS.

Bagi urusan berkaitan aduan, Ahli Majlis akan beruruskan sendiri secara terus dengan pegawai yang berkaitan dan tidak lagi membawa aduan tersebut ke dalam mesyuarat jawatankuasa yang dianggotai. Seramai 6 orang pembantu tadbir Unit Aduan telah dilantik sebagai LO aduan dimana setiap pegawai aduan akan mengendalikan 4 zon Ahli Majlis.

JUN - 30/6/2014

'Reward' Pada Pemberi Maklumat Kepada MPS Berkenaan Penyewaan Gerai MPS.

Mesyuarat dimaklumkan tujuan 'Reward' ini diberikan adalah bagi memastikan tiada kejadian sewa atas sewa berlaku keatas gerai MPS. Ia juga bertujuan untuk mengelakkan penyewa gerai MPS menyewakan kepada pihak ketiga.

Justifikasi maklumat yang diperlukan daripada pelapor adalah:

- i. Laporan bergambar
- ii. Maklumat peribadi penyewa ketiga

iii. Tarikh, masa, jam hari beroperasi ditulis

iv. Sekiranya terdapat dokumen sokongan seperti perjanjian diantara penyewa Majlis dan penyewa ketiga.

Sekiranya keempat-empat maklumat tersebut adalah lengkap dan telah disahkan laporan serta mengambil tindakan mengeluarkan penyewa dan menamatkan perjanjian sewaan lebih awal, pemberi maklumat adalah layak menerima ganjaran dalam bentuk tunai RM200.

Lawatan Audit Pensijilan Semula Oleh MPC MPS Kekal Sijil QE/APB 5S untuk Tahun Ke-3

MPS berjaya mengekalkan Persijilan Amalan Persekutaran Berkualiti (APB) 5S untuk tahun ketiga.


Panel Audit Malaysia Productivity Corporation (MPC) yang diwakili oleh En. Mohd. Rizal Ayob telah melakukan pengauditan pada 28 Mei 2014.

Audit pembaharuan Sijil APB 5S MPS ini dilaksanakan dengan pemeriksaan terhadap pelan dan fail induk serta rekod-rekod aktiviti kumpulan 5S. Di samping itu, Juruaudit juga melakukan pengauditan terhadap ruang pejabat, tempat simpanan, tempat umum dan kawasan persekitaran.

Pada majlis penutup, Juruaudit MPC merumuskan bahawa MPS telah mengekalkan amalan APB 5S dengan sempurna. Komitmen yang diberikan oleh pengurusan dan warga MPS adalah memuaskan. Aktiviti penambahbaikan di tempat kerja juga masih diteruskan. Kriteria audit 5S telah dipatuhi dan Juruaudit telah mengesyorkan persijilan semula untuk MPS.



LAWATAN MENGEJUT 5S



YDP MPS telah mengadakan lawatan mengejut ke atas beberapa Zon 5S MPS pada 28 Mei 2014. Lawatan beliau yang telah diiringi oleh Pengerusi JK Pelaksana 5S, En Mohamad Zin Masoad dan Pengerusi JK Audit Dalam 5S, Puan Norhayati Ahmad adalah untuk memastikan aktiviti 5S di jalankan dengan sempurna di setiap zon.

Pertandingan 'SELFIE 5S' Antara Zon Zon Cinnamomun Muncul Juara



JAWATANKUASA Induk Promosi 5S telah mengadakan pertandingan 'selfie' sempena gotong-royong perdana APB 5S yang telah berlangsung pada 9 Mei 2014. Pertandingan ini adalah merupakan satu mekanisme Jawatankuasa Induk Promosi untuk mempromosikan program APB 5S di samping menggalakkan kiatkitangan MPS untuk melayari Facebook APB 5S.

Pemenang bagi pertandingan 'selfie' telah dimenangi oleh zon Cinnamomun, Jabatan Pembangunan Masyarakat yang mendapat sebanyak 614 *likes*. Hadiah pertandingan telah disampaikan oleh Tuan YDP MPS pada perhimpunan bulanan MPS pada 20 Mei 2014.

Gotong Royong Perdana APB 5S Kerjasama Kakitangan Amat Memuaskan

GOTONG Royong Perdana APB 5S telah diadakan pada 20 hingga 22 Mei 2014. Semua Zon APB 5S perlu bersedia memastikan zon masing-masing kemas, bersih dan teratur. Hanya pelaksanaan sish, sapu, susun, seragam dan sentiasa amal perlu dititik beratkan bagi memastikan pelaksanaan APB 5S diamalkan secara berterusan.



Regional Convention On Team Excellence Wilayah Timur MPS Raih 5 Anugerah Emas

MPS telah mencatat kejayaan cemerlang apabila kesemua 5 kumpulan Kreatif & Inovatif (KIK) & QE yang mengambil bahagian di Konvensyen ICC & QE Peringkat Wilayah Pantai Timur tahun 2014 telah berjaya memperoleh Anugerah Emas.

Konvensyen yang diadakan The Zenith Hotel, Kuantan, Pahang pada 18 dan 19 Jun 2014.

MPS telah diwakili oleh :

- **Kaizen II (Penguatkuasa & Keselamatan)** -Mempercepatkan Masa Proses Pengeluaran Kompaun

Kepada Orang Kena Kompoun. (OKK)

- **Mauris (Kejuruteraan)**
- Mengenalpasti Jalan-Jalan Yang Telah Diturap.
- **EVH (Kesihatan)** - Masalah Penguatkuasaan Terhadap Pemilikan Lesen Anjing.
- **Creative Solution (Perbendaharaan)**
- Sistem Pencarian Baucer
- **Facil-IT (Korporat)**. Sistem Maklumbalas Kepuasan Pelanggan.

Sebanyak 83 kumpulan yang terdiri daripada jabatan kerajaan dan swasta telah menyertai konvensyen kali ini.



Majlis Apresiasi Sistem Star-Rating PBT Negeri Selangor



MPS adalah antara sembilan PBT di negeri Selangor yang telah dianugerahkan dengan Anugerah Empat Bintang bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkusa Tempatan anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tahun 2013.

MPS telah berjaya menduduki tempat Ke-12 dari 159 PBT yang dinilai pada tahun 2013 dengan markah sebanyak 84.25 iaitu peningkatan sebanyak 8.24 berbanding 2011.

Sebagai menghargai pengiktirafan ini, :

Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan Majlis Apresiasi Sistem Star Rating Negeri Selangor pada 16 Jun 2014 bertempat di Dewan Banquet, Jubli Perak.

Majlis Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor.



Pelaksanaan Audit SIRIM MS ISO 9001:2008 Tahun 2014

MPS berjaya mengekalkan sijil MS ISO 9001:2008 selepas pengauditan semula oleh pihak SIRIM pada 9 - 11 Jun 2014.

Pihak SIRIM mendapat keseluruhananya Sistem Pengurusan Kualiti yang dilaksanakan di MPS menepati keperluan standard dan juga kepada prosedur-prosedur yang didokumenkan dan disyorkan untuk diteruskan pensijilan semula tanpa pindaan.

Pasukan Audit SIRIM kali ini diketuai oleh Pn. Hajah Mariam binti Mohamed Zin dan Juruaudit En. Mohd Shahril Mohd Arshad serta Pn. Raji Ramachandram.

Mesyuarat pembukaan bagi Pelaksanaan Audit SIRIM telah dipengerusikan oleh Tuan YDP. Hasil Penemuan audit telah dibentangkan di Mesyuarat Penutup Audit Pensijilan yang telah diadakan pada 11 Jun 2014.



Kempen Gaya Hidup Sihat & Hari Cintai Alam 2014



KEMPEN Gaya Hidup Sihat dan Hari Cintai Alam 2014 telah diadakan di Taman Tasik Bandar Country Homes Rawang pada 19 April 2014.

Kempen ini bertujuan mempromosikan dan meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan menjalani kehidupan sihat dan aktif yang seterusnya meningkatkan produktiviti dan kualiti kehidupan masyarakat.

Dalam kempen ini, YB Puan Dr. Daroyah binti Alwi, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor telah merasmikan dan melepaskan peserta program 10,000 Green Step.

Antara program-program yang berlangsung pada kempen tersebut adalah penanaman pokok, melontar Mud Ball, pemeriksaan

kesihatan, kempen denggi, persembahan daripada kanak-kanak Tadika, pertandingan mewarna, penyampaian Tong Kitar Semula Minyak Masak Terpakai dan cabutan bertuah.



Imbas kod QR ini melihat lebih banyak gambar Program Kempen Gaya Hidup Sihat & Hari Cintai Alam 2014

Lawatan Pemeriksaan Projek AISAS 2014

PANEL pemeriksa Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS) telah membuat pemeriksaan ke atas projek 'Sistem Jemputan Media' oleh kumpulan FACIL-IT daripada Jabatan Korporat.

Pemeriksaan ini telah diadakan pada 2 Jun 2014, bertempat di Bilik Melur Menara MPS. Jabatan Korporat telah membangunkan sistem khas bagi tujuan penyalaran jemputan media ke program MPS.

Panel terdiri daripada 4 orang pegawai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang melakukan lawatan pemeriksaan ke atas organisasi yang menyertai Anugerah AISAS bagi tahun 2014 di seluruh Selangor.



KONVENSYEN KIK PERINGKAT MPS 2014

MPS telah berjaya melaksanakan Konvensyen KIK peringkat MPS pada 15 Mei 2014 penyertaan melibatkan 11 pasukan. Keputusan Konvensyen KIK peringkat MPS bagi tahun 2014 adalah seperti berikut :-

- i. Johan - Kumpulan Evh - Jabatan Kesihatan
- ii. Naib Johan - Kumpulan Mauris - Jabatan Kejuruteraan
- iii. Ketiga - Kumpulan Kaizen - Jabatan Pengurusan

Ketiga-tiga pasukan ini akan mewakili MPS ke pertandingan KIK Peringkat Wilayah yang dianjurkan oleh MPC.



SENARAI NAMA PEMENANG ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014

KUMPULAN A

Ir. Zolkeflee bin Abd. Hamid
Mazurah binti Mohamed
Siti Norosmila binti Mohamad Rasidibhib
Saiful Azmi bin Samad

Kejuruteraan
Pembangunan Masyarakat
Perbendaharaan
Perundangan

KUMPULAN B

Siti Aminah binti Mohamed Ali
Jamaluddin bin Mat Dari @ Mat Din
Mohd Ramlie bin Misnan
Mohd Hafizi bin Badri
Norsalirin bin Mohd Nor
Norillyana binti Roslan
Siti Fatimah binti Ibrahim
Noraswalzha binti Ibrahim
Mohd Ismie bin Ismail

Perbendaharaan
Khidmat Pengurusan
Penilaian dan Pengurusan Harta
Peleesen
Bangunan
Korporat
Penguatkuasaan dan Keselamatan
Pembangunan Masyarakat
Pesuruhjaya Bangunan (COB)

KUMPULAN C

Jamaliah binti Ahmad
Dianawati binti Sulaiman
Rosli bin Osman
Shaari bin Sukir
Seri Suharni binti Makkazen
Khairiah binti Khairudin
Arbain bin Hashim
Hussin bin Din
Norsalina binti Mohd. Nor
Norfariza binti Mat Isa
Nadiah binti Nazri
Mohd Affendey bin Mohd Amin
Ahmad Yusaini bin Mohd Yusof
Nor Azila binti Mahamad Alias
Khairool Akmal Azri bin Kamaf Rezali
Lidyawati binti Abdullah
Zailiya binti Padalan
Mohamad Khairuddin bin Musa
Mohd Sharif Pudin Bin Abd. Hamid
Azelina binti Ibrahim
Ahmad Azizi bin Rauni
Nurul Ezuwa binti Mat Shah
Norliza binti Husin
Muhs. Ashraf Justin bin Abdullah
Siratulfaizilah binti Siburok
Thanapakiam A/p Muniandy
Siti Hajar binti Abd. Aziz
Faridah hanum binti Mohd. Zaki
Hartini binti Halimin
Hamidah binti Shamshuddin
Muhamad Aziz bin Mustapa
Norhaslia binti Hassan
Akmal bin Johar
Mohd Faizal bin Sutris
Maria Masniza binti Abdul Manaf

Korporat
Perancang Bandar
Kesihatan
Kesihatan
Perkhidmatan Persekitaran
Penilaian dan Pengurusan Harta
Penilaian dan Pengurusan Harta
Perbendaharaan
Khidmat Pengurusan
Khidmat Pengurusan
Khidmat Pengurusan
Bangunan
Bangunan
Kejuruteraan
Kejuruteraan
Kejuruteraan
Perancang Bandar
Landskap
Perkhidmatan Persekitaran
Peleesen
Peleesen
Penilaian dan Pengurusan Harta
Penilaian dan Pengurusan Harta
Penguatkuasaan dan Keselamatan
Penguatkuasaan dan Keselamatan
Penguatkuasaan dan Keselamatan
Penguatkuasaan dan Keselamatan
Perbendaharaan
Perbendaharaan
Teknologi Maklumat
Pembangunan Masyarakat
Urusetia
Perundangan
Audit Dalam
Putus Setempat (OSC)

KUMPULAN D

Hosaini bin Hodri
Salizawati binti Makhtar
Rahamatullah bin Muhammed Yusof
Sariff bin Sarman
Kamarul Baharim bin Jaafar
Hamzah bin Eden
Abdullah Sani bin Abd. Rasid
Halimah binti Mohd Halim
Jaafar bin Jamaludin
Abdullah bin Katan
Husney bin Kamaruddin
Kumarisen A/l Subramaniam
Raja Krishnan A/l Subramaniam
Mohamad Syamsul bin Hamzah
Mohd Norashid bin Samudi
Anuar Rahimi bin Ab. Rashid
Yusman bin Subandi
Mohd Fatoni bin Che Harun
Hasmidar binti Hasan
Mohd Arief bin Mustaram
Affandi bin Mat Desa
Saleh bin Ismail
Sarala A/p Asokumar
Selvamani A/l Veerasingam
Abd. Rahman bin Abd. Wahid
Mohamad Noor bin Samsudin
Retno Dewi binti Kusmanto
Azahar bin Abu

Khidmat Pengurusan
Khidmat Pengurusan
Bangunan
Kejuruteraan
Kejuruteraan
Kejuruteraan
Perancang Bandar
Landskap
Landskap
Landskap
Kesihatan
Kesihatan
Kesihatan
Kesihatan
Kesihatan
Perkhidmatan Persekitaran
Perkhidmatan Persekitaran
Peleesen
Penilaian dan Pengurusan Harta
Penilaian dan Pengurusan Harta
Penilaian dan Pengurusan Harta
Penilaian dan Pengurusan Harta
Penguatkuasaan dan Keselamatan
Penguatkuasaan dan Keselamatan
Perbendaharaan
Perbendaharaan

MAJLIS ANU PERKHIDMATAN



EN. JAMALUDDIN MAT DARI
Penolong Pengawai Tadbir
Jabatan Khidmat Pengurusan

"Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah pengiktirafan kepada kakitangan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun yang dinilai. Semua kakitangan samada tetap atau kontrak layak dipertimbangkan untuk anugerah APC ini. APC ini menjadi contoh kepada kakitangan yang lain dalam menanam budaya kerja yang cemerlang. Semaikan sikap kerja yang jujur, ikhlas dan berintegriti tanpa mengharapkan balasan dan ganjaran".

ANUGERAH AN CEMERLANG 2013



Senarai Penerima REWARD YDP



ANUGERAH 4 BINTANG ATAU PENCAPAIAN MELEBIHI 30% UNTUK KATEGORI PENGURANGAN KOS/ TINGKATKAN KECEKAPAN.

1. Jabatan Landskap

ANUGERAH 4 BINTANG KATEGORI PENGURUSAN

1. En. Krisnan A/L Ratnam
Jabatan Landskap.

ANUGERAH 4 BINTANG KATEGORI PENGURANGAN KOS / PENINGKATAN KECEKAPAN

1. Jabatan Audit Dalam
2. Jabatan Kejuruteraan

ANUGERAH 3 BINTANG KATEGORI PENGURUSAN

1. Kumpulan Smart Data,
Jabatan Perbendaharaan.

ANUGERAH 2 BINTANG KATEGORI PENGURUSAN

1. Jabatan Pesuruhjaya Bangunan
2. Jawatankuasa Induk Zon Bersih 2013

ANUGERAH 1 BINTANG KATEGORI PENGURUSAN

1. Unit Akaun, Bahagian Kewangan,
Jabatan Perbendaharaan.



**PUAN MAIZURAH
MOHAMED**
Pengarah
Jabatan Pembangunan Masyarakat

"Syukur kehadrat Allah SWT atas penerimaan anugerah. Saya berasa sungguh terharu dan sama sekali tidak menyangka akan terpilih sebagai penerima APC untuk tahun 2013. Ini adalah merupakan satu penghargaan kepada diri saya oleh pihak pengurusan tertinggi MPS sepanjang perkhidmatan saya bersama MPS. Dengan adanya anugerah yang diterima ini, saya akan terus berazam untuk mempertingkatkan lagi prestasi kerja saya dari semasa ke semasa dengan lebih komited dan cemerlang demi Majlis Perbandaran Selangor".

MPS Sita Pusat Siber Haram



SEBANYAK 120 set komputer dirampas di tiga pusat siber haram di sekitar Selayang pada 24 Jun 2014.

Operasi bersepada yang diadakan ini adalah anjuran bersama Unit Gejala Sosial di bawah Exco Kerajaan Negeri yang turut disertai agensi kerajaan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Polis (PDRM).

Pemilik Permis diarahkan menutup operasi serta merta sejurus sitaan dibuat di bawah undang-undang kecil pusat siber.

Premis Perniagaan Proses Samsu Haram

TUJUH premis perniagaan yang dikendalikan warga asing, termasuk sebuah premis yang dipercayai menjadi tempat memproses minuman keras (samsu) digempur oleh MPS pada 27 Mei 2014.

Lima daripada premis berkenaan di dapati telah disewakan secara haram kepada warga asing, sementara dua lagi beroperasi secara haram.

Semua barang yang dirampas dihantar ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia melalui PDRM.



MPS Serbu Rumah Kediaman Jadi Pusat Urut

SEBUAH rumah di Sunway Batu Caves telah diserbu dan dikenakan tindakan sitaan dan kompaun dalam salah satu operasi yang telah dijalankan pada 30 April 2014 oleh Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan MPS.

Serbuan dibuat keatas kediaman tersebut berikutan aduan daripada jiran-jiran dan hasil risikan dan maklumat awam, mendapati rumah tersebut menawarkan pakej urut kepada pelanggan. Pelanggan bukan hanya membabitkan orang tempatan sahaja tetapi terdapat juga warga Indonesia dan Bangladesh.

Dalam serbuan tersebut, perkakasan dan kelengkapan urutan antara bahan yang dirampas selain mengenakan kompaun sebanyak RM 1,000 atas kesalahan menjalankan perniagaan rumah urut di unit kediaman.

Bengkel Haram Kena Sita

SEBUAH bengkel yang menjalankan perniagaan tanpa kebenaran disita dan diambil tindakan selepas notis pengosongan kepada pengusaha dikeluarkan. Operasi sita ini telah diadakan pada 8 Mei 2014 oleh Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan MPS.

Selain khemah diturunkan, alatan seperti generator turut disita sementara pelanggan diarahkan mengalihkan kereta dengan kadar segera. Kompaun dan tindakan penguatkuasaan sebelum ini juga pernah dilakukan namun pengusaha bengkel masih berdegil dan menjalankan perniagaan seperti biasa.

Tindakan diambil di bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Industri (MPS) 2007 kerana bermiaga bengkel tanpa lesen.



Jualan Permit Bazar Ramadhan 2014 Berjalan Lancar

MPS telah mengadakan penjualan permit Bazar Ramadhan yang berlangsung di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak pada 11 Jun 2014. Pada tahun ini sebanyak 1,230 petak ditawarkan dan melibatkan 10 zon dengan kadar sewa RM130.00 bagi setiap petak.

Antara kawasan Bazar Ramadhan untuk tahun ini adalah di Rawang (Bandar Rawang, Taman Tun Teja, dan Bandar Country Homes), Selayang (Bandar Baru Selayang, Selayang Utama, Kg. Nakhoda dan Taman Ehsan), Gombak (Taman Samudera, Gombak Setia dan Taman Batu Caves) dan Kepong (Kg. Melayu Sg. Buloh).

Selain penjualan permit, taklimat tentang pengendalian makanan serta larangan penjualan mercun juga turut diberikan. Penjaja diharapkan dapat mengekalkan tahap kebersihan serta mutu makanan yang dijual bagi mengelakkan sebarang isu yang tidak diingini seperti isu berkaitan kesihatan termasuk penyakit berjangkit.



Mesyuarat Dewan Perbandaran MPS Ambil Kira Pandangan Peniaga



PROGRAM Pengindahan Pekan Rawang bertujuan untuk menaiktaraf Pekan Rawang dengan mengekalkan rekabentuk bangunan rumah kedai di samping menaiktaraf jalan dan landskap. Sehubungan dengan itu,

Mesyuarat Dewan Perbandaran bersama peniaga ini, telah diadakan pada 4 April 2014 di Dewan JKKK, Pekan Rawang dengan hampir 40 orang wakil peniaga.

Mesyuarat bertujuan menerangkan projek menaik taraf dan pengindahan Pekan Rawang serta mendengar cadangan dari pihak peniaga dan pemilik bangunan.

Tuan YDP telah mempengerusikan mesyuarat dan turut dihadiri Tuan Timbalan YDP, YB Gan Pei Nei, Aduan Rawang, YB William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan.

Pameran Publisiti Awam Rancangan Tempatan MPS 2010

MPS telah menjalankan Pameran Publisiti Awam yang melibatkan Kawasan Rancangan Tempatan (RT) MPS 2020 yang meliputi keseluruhan kawasan pentadbiran MPS seluas 54,856 hektar selama sebulan bermula 27 Jun hingga 27 Julai 2014. Pameran ini juga melibatkan keluasan pengubahan 4 zon bagi RTMPS yang melibatkan kawasan seluas 4125.9 ekar iaitu 4.5% daripada keseluruhan kawasan MPS.

Pameran ini turut memberi peluang kepada penduduk kawasan terlibat membuat bantahan atau cadangan berkaitan pembangunan yang dicadangkan. Selain itu, pameran ini juga merupakan satu proses yang penting dalam perancangan bagi memastikan rancangan pemajuan seperti Rancangan Struktur (RS) dan Rancangan Tempatan (RT) dapat memenuhi hasrat dan pandangan masyarakat umum.



HBP Mudahkan Pelanggan

PROGRAM Hari Bertemu Pelanggan (HBP) yang diadakan pada hari Jumaat minggu pertama setiap bulan ini bertujuan memberi peluang kepada orang awam untuk bertemu dengan Tuan YDP dan Timbalan YDP serta Pengarah-pengarah Jabatan.

HBP memberi peluang kepada orang ramai untuk membuat pertanyaan, cadangan, aduan atau rayuan terhadap kompaun yang diterima.

Melalui program ini, segala masalah dan aduan akan diselesaikan secara terus manakala yang menglibatkan kos dan tindakan agensi lain akan mengambil masa untuk selesai.



Bengkel Perubatan Islam Ustaz Abdul Majid Hasan Kongsi Ilmu

BIRO Agama dan Kebajikan, KSDK, MPS telah menganjurkan Bengkel Perubatan Islam di Dewan Keraian pada 24 April 2014.

Ustaz Abdul Majid Hasan selaku penceramah jemputan berkata seminar ini bertujuan untuk menggalakkan masyarakat supaya mengamal dan menggunakan kaedah rawatan Islam di samping mendidik masyarakat supaya tidak mendapatkan khidmat daripada paranormal ataupun bomoh.

Selain daripada mengetengahkan perubatan Islam yang berteraskan penggunaan ayat-ayat suci Al-Quran dalam merungkai masalah penyakit zahir dan batin, peserta juga turut didekah dengan

cara merawat diri melalui sesi Penerangan Rawatan Islam dan Kaedah Merawat Diri Sendiri.



Seminar OSC “Ke Arah Sistem Penyampaian Yang Lebih Baik”



MPS buat julung kalinya telah menganjurkan Program Seminar OSC yang bertajuk ‘Ke Arah Sistem Penyampaian Yang Lebih Baik’ di Shah Alam Convention Centre (SACC). Program ini telah diadakan pada 23 April 2014.

Majlis telah dirasmikan oleh Tuan YDP MPS. Antara pengisian program adalah pembentangan kertas kerja dan juga sesi soal jawab.

Objektif program ini adalah untuk memberi kefaaman kepada pihak Professional

Submitting Persons (PSP), pemaju, perunding dan pemohon mengenai dasar dan polisi baharu serta keperluan-keperluan yang perlu dipatuhi semasa mengemukakan permohonan cadangan pemaju di MPS. Ini adalah untuk memastikan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) adalah yang berkualiti dan dapat menjamin pembangunan yang mampan dan sejahtera di kawasan MPS..

Kempen Derma Darah Warga MPS Prihatin

KEMPEN Derma Darah anjuran Jabatan Kesihatan dengan kerjasama Klinik Keluarga Dahlia **PADA** 6 April 2014, bertempat di Lobi Menara MPS.

Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk membantu Pusat Darah Negara mengisi tabung darah negara. Selain itu ia juga sebagai salah satu alternatif ke arah kebajikan yang dapat dilakukan oleh kakitangan kepada masyarakat umum di samping memberi informasi dan pendidikan yang berguna serta bermaklumat tentang kesihatan.

Ini juga dapat menggalakkan orang ramai menderma darah sambil beramal.



Kempen “Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit”

KEMPEN ‘Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit’ anjuran Kerajaan Negeri Selangor telah diadakan pada 22 April 2014. Kempen ini merupakan inisiatif baharu yang difikirkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Perpustaan Negara bagi menarik penglibatan lebih menyeluruh rakyat di negara ini terhadap budaya membaca.

Seperi yang dinyatakan oleh Menteri Besar Selangor, Kempen Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit walaupun pendek dan lebih bersifat gimik, diharap dapat memberi kesan membentuk rakyat menjadi masyarakat membaca.



Ceramah Agama Ambang Ramadhan



SEMPENA Sambutan bulan Ramadhan yang akan tiba, satu ceramah agama bersama Al- Fadhil Ustaz Dato' Mohd Nizam Kamaruzaman yang bertajuk "Ramadhan Kehadiramu Ku Nanti" telah berlangsung di Lobi Menara MPS pada 8 Jun 2014 .

Kursus Mamogram Tingkat Kesedaran

BAGI meningkatkan kesedaran masyarakat terutama wanita mengenai kanser payudara, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan Program Subsidi Ujian Mamogram.

Taklimat tersebut telah diadakan di Dewan Keraian, Menara MPS pada 4 Jun 2014.

Program ini mensasarkan wanita warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang berumur 40-70 tahun yang layak mendapat saringan ujian mamogram percuma di Pusat Mamogram Swasta yang berdaftar dengan LPPKN.



Imbas kod QR ini untuk pautan ke Portal e-mamogram LPPKN.



Pelancaran Hari Tanpa Beg Plastik Tingkat Kesedaran Dikalangan Kakitangan MPS



MAJLIS pelancaran bagi Kempen Hari Tanpa Beg Plastik peringkat MPS telah diadakan di lobi MPS pada 21 Mei 2014. Majlis Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Tuan YDP MPS. Dengan pelancaran kempen ini, telah diwartakan bahawa setiap hari Rabu adalah Hari Tanpa Beg Plastik di MPS.

Tuan YDP dalam ucapan beliau berharap agar kempen ini dapat memberi kesedaran kepada warga MPS tentang pencemaran yang diakibatkan oleh beg-beg plastik. Ia juga sebagai menyahut seruan kerajaan dalam mewujudkan persekitaran yang sihat dan bersih.

Perhimpunan Bulanan MPS



APRIL

Sambutan Hari Lahir Kakitangan MPS

MAY

Penyerahan Sijil Kepada Sekolah Yang Terlibat Dalam Program Bank Kitai Semula MPS 2014

JUN

Penyerahan Kurma Kepada Jabatan sempena Ramadhan 1435H



Tuan Asri Bin Buang
Ahli Majlis Zon 1

Program Bengkel Makanan Sejuk Beku "Halal"



AHLI Majlis Zon 1 dengan penglibatan dan kerjasama daripada Jawatankuasa Penduduk Zon 1 MPS telah menganjurkan Program Bengkel Makanan Sejuk Beku Halal pada 25 Mei 2014, bertempat di Dewan Bistari Taman Templer.

Program ini diadakan bertujuan untuk membantu peserta bengkel untuk menjana pendapatan di samping dapat mengajar para peserta bagaimana cara-cara penyediaan makanan sejuk beku halal dengan betul. Seramai 40 orang wanita dari sekitar kawasan Zon 1 telah menghadiri program ini.

Penyerahan Balai Polis Bandar Country Homes, Rawang



PADA 26 Jun 2014 bertempat di Fasa 9, Bandar Country Homes Rawang telah diadakan penyerahan Balai Polis. Tujuan penyerahan dan penyediaan bangunan ini adalah bagi memastikan kewujudan dan kebersediaan pihak Polis di Bandar Country Homes, Rawang di samping untuk mewujudkan kerjasama erat antara Jawatankuasa Penduduk dan pihak Polis dalam menjamin keamanan dan keselamatan penduduk sekitar.

Antara yang hadir dalam majlis ini ialah Y.B. Tuan William Leong Jee Keen selaku Ahli Parlimen Selayang, Y.B. Puan Gan Pei Nei yang merupakan Adun Rawang, Yang Dipertua MPS, Ahli Majlis, Pemaju dan pihak Polis serta wakil penduduk.



Tuan Mustafakamal Bin Othman
Ahli Majlis Zon 7

Program Gotong-Royong "Taman Selasih Bebas Denggi dan Tikus"



SATU Program Gotong Royong dengan tema "Taman Selasih Bebas Denggi dan Tikus" telah diadakan pada 21 Jun 2014. Program ini

merupakan anjuran Ahli Majlis Zon 7 dengan penglibatan daripada Persatuan Penduduk Taman Selasih Fasa 1 serta kerjasama daripada Pejabat Kesihatan Daerah Gombak dan juga Jabatan Perkhidmatan Persekutaran, MPS.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada penduduk setempat tentang kepentingan aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan bagi tujuan pembasmian tempat pemberaan nyamuk aedes.



Tuan Zulnizam Bin Shahrani
Ahli Majlis Zon 23

Program Kejohanan Bola Sepak Remaja Bawah 16 Tahun Tertutup

SATU Kejohanan Bola Sepak Remaja Bawah 16 Tahun Tertutup Taman Ehsan & Piala Ahli Majlis telah diadakan pada 25 Mei 2014 di Padang MPS, Taman Ehsan.

Program ini merupakan anjuran Ahli Majlis Zon 23 (Pemangku) dengan penglibatan

dan kerjasama daripada Ahli Jawatankuasa Penduduk Zon 23 MPS. Program ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan budaya hidup sihat melalui aktiviti sukan serta dapat merapatkan hubungan silaturrahim di kalangan belia-belia di kawasan Selayang.



Tan Amir Fazlee Bin Khalid
Ahli Majlis Zon 12

Program Gotong Royong Pembersihan Kawasan Perkuburan

PROGRAM Gotong royong Pembersihan Tanah Perkuburan telah diadakan pada 8 Jun 2014 Tanah Perkuburan Kg. Sg. Tua, Batu Caves.

Program ini merupakan anjuran Ahli Majlis Zon 12 dengan penglibatan daripada Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Zon 12 dengan kerjasama daripada Pejabat ADUN

Batu Caves, sukarelawan dari Kg. Sg. Kertas, Kg. Sg. Tua dan Kg. Nakhoda. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memelihara kawasan tanah perkuburan agar sentiasa terjaga, bersih, selesa dan selamat untuk diziarahi oleh waris-waris keluarga.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Tn. Amirudin Bin Shari.



Kejohanan Sepak Takraw 1 Malaysia

BERTEMPAT di Stadium Negeri Kuala Terengganu, pada 5 hingga 6 Jun 2014 telah diadakan Kejohanan Sepak Takraw 1 Malaysia 2014 Anjuran Gerakan Belia 4B (M) Kuala Terengganu, Emizan Trading & Marketing Dan ETM Prima Sdn. Bhd.

Majlis Perbandaran Selayang telah menghantar 2 pasukan sepak takraw bagi mewakili MPS ke kejohanan ini. Sebanyak 50 pasukan

dari serata semenanjung Malaysia telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini.

Pasukan A MPS hanya berjaya melayakkan diri sehingga ke peringkat suku akhir manakala Pasukan B MPS telah kandas di peringkat pusingan ketiga.

Kejohanan Tenpin Bowling Piala Pusingan YDP - MBPJ Muncul Juara

BERTEMPAT di Wangsa Bowl Selayang Mall, telah diadakan Kejohanan Tenpin Bowling Piala Pusingan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang 2014.

Kejohanan Tenpin Bowling Piala Pusingan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang 2014 ini merupakan kesinambungan kejohanan yang telah diadakan sejak dari tahun 2011.

Kejohanan ini terbuka kepada penjawat awam Pihak Berkuasa

Tempatan (PBT), Agensi Kerajaan serta Badan Berkurun di seluruh Negeri Selangor. Pihak urusetia telah menyediakan pelbagai hadiah kepada para pemenang antaranya piala iringan dan sijil penghargaan.

Johan dimenangi oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya A yang telah menerima RM 2,000.00 berserta piala, tempat ke-2 RM 1,500.00 daripada DBKL One, tempat ke-3 RM 1,000.00 daripada FRIM Stars.



mes sejak 2008 Merakyatkan Ekonomi Selangor

TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR
Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawsan)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH,
Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-5521 8740 atau 03-5521 8741
Faks: 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS
Rantaian Mesra Sdn. Bhd.
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-5510 3468 / 3472, Faks: 03-5510 3455
E-mail: mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT
Pejabat Setiusaha Kerajaan Negeri Selangor
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S 40503 Shah Alam,

Tel: 03-5544 7385 atau 03-5521 2275
Faks: 03-5510 4095 atau 03-5511 0659

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam.
Tel: 03-5544 7306 atau 03-5512 3618,
Faks: 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENI (OSCC)
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi
Dan Inovasi
Tel: 03-5519 4346 atau 03-5544 7622, Faks: 03-5519
3304



Negeri Idaman, Maju,
Sejahtera dan Berkebajikan
selangorku
Hasil Negeri Untuk Rakyat

BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU
Kumpulan Darul Ehsan Berhad

16th-17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran
Perbandaran,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5510 3999, Faks: 03-5510 9977
E-mail: communications@kded.com

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BANTUAN DAN
GALIAN**

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd
No. 2-12-01, Worldwide@7, Jalan Lazuardi 7/29
Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-5518 7735, Faks: 03-5518 7736
E-mail: info@semesta.com.my
url: www.semesta.com.my

Penyerahan Sumbangan dan Bendera Kepada Pasukan Angkat Kontinjen SUKMA Selangor



PADA 23 Mei 2014 bertempat di Dewan Keraian, Tingkat 8, Menara MPS, satu Majlis Penyerahan Sumbangan dan Bendera Kepada Pasukan Angkat Kontinjen Sukma Selangor 2014.

Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) telah memilih Majlis Perbandaran Selayang selaku Bapa Angkat bagi dua Pasukan SUKMA

Selangor iaitu Pasukan Golf dan Menembak sempena Kejohanan Sukma 2014 yang telah berlangsung pada 24 Mei 2014 hingga 4 Jun 2014 di Negeri Perlis Indera Kayangan.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan sumbangan dan penyerahan bendera kepada pasukan angkat SUKMA.

Majlis ini merupakan satu penghargaan yang diberikan kepada Pihak Berkua Tempatan untuk terlibat secara langsung dalam bersama-sama membantu menjayakan Program Persediaan SUKMA Kontingen Negeri Selangor. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan YDP MPS

Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-17 Menembak Sumbang 7 Emas

SUKAN Malaysia (SUKMA) Ke-17, telah berlangsung dan bermula pada 24 Mei hingga 4 Jun 2014 yang lalu. Pasukan Menembak telah berjaya memperoleh 7 pingat emas, 6 pingat perak dan 8 pingat gangsa manakala pasukan Golf tidak berjaya merangkul sebarang pingat.

Kontinjen Negeri Selangor telah berjaya menduduki tempat keempat dengan merangkul 36 pingat emas, 49 pingat perak dan 71 pingat gangsa. Walaubagaimanapun, secara keseluruhannya kontinjen Selangor telah berjaya mengumpul jumlah pingat tertinggi iaitu sebanyak 156.

